

01/09/2002

Pupuk semangat kebangsaan yang berimajinasi, merangsang dan menawan

KEAMANAN dan kemakmuran tanpa kedaulatan sama buruk dengan kemerdekaan tanpa damai dan kemewahan. Malaysia bernasib baik kerana selama 45 tahun bebas, rakyatnya lega, hidup rukun dan bening!.

Semalam, bangsa Melayu yang dulu terhina menyambut hari kemerdekaan bersama rakyat keturunan lain dengan megah. Saya harap, dengan penuh keinsafan kita mengetahui kita menghadapi ujian yang amat mencabar sekarang dan masa depan.

Pertama: mempertahankan kebebasan itu daripada musuh dalam dan luar. Kebebasan saja tidak mencukupi tanpa diisi. Banyak negara merdeka lebih awal daripada kita tetapi rakyat mereka terus menderita dan ramai menumpang di negara lain - menjadi buruh kasar dan pekerjaan yang rakyat negara hos mereka tidak mahu lagi membuatnya.

Kedua dan terpenting: Kita mesti meningkatkan sifat ketahanan kita dan kebolehan serta bakat untuk mencapai kemajuan yang lebih sesuai dengan tuntutan era dan yang disegani dan menjadi ikutan orang.

Saya yakin kalau kita kuat semangat, bijak, tekun, amanah, bersih, cekap dan berimajinasi, kita dapat menangkis sebarang ancaman dan bahaya.

Kata orang tua pendidikan adalah kuasa: knowledge is power. Tetapi kenapa bangsa kita segan menguasainya? Ilmu pengetahuan wajib dikejar dalam bahasa apa pun. Disebabkan bahasa Inggeris adalah bahasa ilmu dan komunikasi, bahasa itu digalakkan dan di sesetengah negara bekas tanah jajahan British terus diutamakan: India, Pakistan, Singapura, negara di Hindia Barat dan Afrika.

Negara Eropah termasuk kuasa besar Kesatuan Eropah iaitu Perancis dan Jerman, negara Arab, China dan Jepun mewajibkan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan dan mereka benar-benar melaksanakannya.

Orang Melayu banyak terhutang budi kepada Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Razak, Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Tanpa kepemimpinan mereka, Malaysia tidak berkembang, bertamadun dan taraf hidupnya sampai ke tahap yang menjadi magnet (daya penarik) bagi orang asing sama ada masuk secara haram atau dengan jalan sah. Walaupun mereka dipenjara dan disebat, mereka terus datang juga. Satu penghormatan dan juga satu perkara yang menyukar dan membahayakan keselamatan.

Setiap 31 Ogos di mana pun saya berada apalagi di luar negara (14 tahun), saya digamit kerinduan pada zaman lampau, masa saya seorang wartawan muda dan menjadi saksi pada kelahiran negara tercinta ini. Dalam usia menuju 66 tahun, saya bertuah dan bersyukur kepada Ilahi kerana saya anak Melayu yang meniti kurang sedikit satu pertiga usia saya jambatan politik dikendalikan oleh penjajahan British dan bakinya yang ditadbir oleh kita sendiri. Saya dididik kebanyakannya dalam era penjajahan. Keluar sekolah menengah tinggi pada Mac tahun 1957.

Lebih daripada itu: Sudahlah saksi hari kelahiran, membantu melaporkan berita kelahiran itu, menolong mengasuh dan memberinya orientasi hidup, mewakilinya di Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) dan kini terus melapor dan menginterpretasi - mentafsirkan sejarahnya, dasar dan hala tuju kita, kini dan masa depan.

Sejarah dan kesusasteraan terpenting dalam pendidikan selain daripada sains dan ilmu hisab. Bangsa yang tidak tahu sejarahnya akan mengulangi kesalahannya! Sejarah lazimnya ditulis atau ditulis semula oleh pihak yang menang. Kesusasteraan pula adalah kayu pembaris (ruler) yang mengukur keindahan bahasa, pemikiran, kejayaan, bakat dan elan (keriangan dan

keghairahan), ethos (semangat, nilai moral, idea dan budaya) era satu bangsa itu dan mencerminkan keadaan bangsa itu baik realis atau dongeng: suka dukanya.

Dalam biografi - *Templer, Tiger of Malaya* - *Templer, Harimau Malaya*, pengarangnya John Cloake meriwayatkan jalan ke arah kemerdekaan Malaya bahawa Templer terus percaya masa depan politik Dato' Onn walaupun partinya, Parti Kemerdekaan Malaya atau IMP kalah kepada Perikatan Umno-MCA dalam pilihan raya Majlis Perbandaran KL pada tahun 1952 cerah dan terus membuat perhitungan salah tentang Tunku, "... he (Templer) was still underestimating the Tunku's (political prospects)". Satu kesalahan Onn lakukan yang merosakkan imej dan masa depan politiknya ialah apabila dia menerima anugerah Knighthood yang memberinya gelaran "Sir". Walaupun Onn wajar dan layak menerimanya, itu satu tindakan yang tidak bijak bagi seorang pemimpin politik yang memperjuangkan kemerdekaan. Begitu juga seharusnya rakyat kita berhati-hati dengan ahli-ahli politik yang mendirikan dinding memisah mereka melalui gelaran (yang dilobi atau dibeli) dengan pengundi dan rakyat.

Cloake (dan ramai orang lain sependapat dengannya) berkata, anugerah itu tidak langsung menguntungkan Onn (bahkan merugikannya) apabila Onn sedar dia menggugur gelaran "Sir" di hadapan namanya, tinggal Dato' saja, tidak lagi Dato' Sir Onn. Sekarang terlalu ramai "saudara Datuk Kalinga bin Indu". Kalau sudah Datuk apa perlu Saudara? Kenapa tidak panggil Presiden Umno sebagai Bapa Presiden Saudara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad? Kan elok dan hebat lagi Saudara Kalinga Indu saja? Nantilah sudah jadi wakil rakyat tiga empat penggal barulah jadi Dato', itupun kalau perkhidmatannya cemerlang. Kenapa begitu ghairah - agak keterlaluan - mahu membeza mereka dengan rakyat? Kalau teringin sangat tak usah masuk politik, jadi orang korporat.

Pada pendapat saya - dulu dan kini pun - kesilapan terbesar yang Onn lakukan ialah sudahlah menerima anugerah "Sir" yang menjadikannya Kesatria Empayar British, dia pula mahu melengahkan kemerdekaan negara. Adakah atas desakan British?

Tunku bijak berpolitik: dia menolak tawaran Templer menjadi "menteri" sebaliknya memerintah Dr Ismail Abdul Rahman, seorang pemimpin kanan Umno menerimanya sebagai tanda kerjasama, tetapi Dr Ismail dan Umno terus bebas dan lantang bersuara. Dia dan timbalannya Tun Razak walaupun dekat dengan British dapat mempertahankan kebebasan mereka. Tunku dan Umno mahu kemerdekaan terlebih awal dan akhirnya menetapkan tarikh (31 Ogos 1957) manakala Onn mahu kemerdekaan lima tahun kemudian!

Onn yang saya kenali dan pernah menginterviewnya adalah seorang yang cerdik tetapi dia salah baca minda Melayu apabila dia beberapa kali merajuk dan akhirnya meninggalkan Umno. Sudahlah meninggalkan Umno, dia mahu pula menyekukkan bara api kemerdekaan dalam sanubari Melayu. Dia cuba mendekati bukan Melayu tetapi ditolak dan akhirnya dia kembali ke pangkuan Melayu melalui Parti Negara. Tidak berjaya juga tetapi dia akhirnya menang juga menjadi MP dari Kuala Terengganu tahun 1959.

Templer mendapati Onn seorang yang cekap, lebih bertolak ansur walaupun dialah yang kuat menentang Malayan Union. Selepas itu Onn hilang taringnya sedikit demi sedikit. Malcolm MacDonald, Governor General British di Asia Tenggara telah berjaya mempengaruhi Onn dengan konsep Malaya untuk Malaysians, versi baru Malayan Union. Lagi pun waktu itu "...the number one Malay is Onn" dan British percaya mereka mampu mengawalinya, bahawa masa depan Malaya adalah untuk semua orang dan tidak Melayu diutamakan seperti kehendak Umno.

Apabila Tunku ambil alih Umno pada tahun 1951 dia bakar semangat Melayu ... selepas itu dia merestui kerjasama Umno-MCA dengan syarat Umno sebagai ketua. Tunku lebih cepat, lebih bijak memikat hati bukan Melayu daripada

Onn.

Dalam politik, seseorang itu tidak perlu cerdik, cukup sekadar jika dia pintar dan flexible. Onn cerdik tetapi fikirannya mendahului masa; hingga kini parti pelbagai bangsa terus gagal. Apa pun tanpa Onn, pelopor penubuhan Umno, kita sudah tentu senasib dengan orang Melayu di Singapura dan Selatan Thailand. Tetapi seperti kata Perdana Menteri dalam perutusan Hari Kemerdekaan kelmarin, kita mesti berwaspada dengan usaha licik (dan sebaliknya) penjajahan baru yang mahu menakluki kita semula. Perteingkatkan semangat, berani memperbaharui tekad untuk bekerjasama dengan bangsa lain dan pulihkan keiltizaman yang mendorong ibu bapa, nenek dan pejuang-pejuang dan pemimpin kita dulu mendapat kemerdekaan kepada generasi muda masa kini amat perlu. Sekali merdeka tetap merdeka.

Hantu komputer!

Minggu lepas dalam kolum ini, dua perkataan Inggeris telah tersalah eja. Mungkin hantu komputer telah menukarkan ejaan yang betul. Moderate (bukan moderete) dan employable (bukan employabel!)

Puteri Diana dan kita: Mati ketika kita rai ulang tahun kelahiran

Hari yang orang British paling ingat dalam sejarah mereka ialah 31 Ogos mengikut satu poll (tinjauan pendapat) yang dikeluarkan minggu lepas. Sebab hari itu, Diana, Puteri Wales yang dianggap mereka sebagai Puteri yang dipunyai rakyat, meninggal dunia.

Saya telah menemuinya dalam satu majlis bangkuasi diraja untuk diplomat di Buckingham Palace pada tahun 1983 dan saya dapati Diana memang peramah dan menawan seperti kata orang Kok Lanas - comel lote...

Memori Diana terus segar dalam ingatan dunia dan akan bertambah segar dengan obsesi muda-mudi Eropah, British dan Amerika terhadap dua puteranya - William dan Harry - berumur belasan tahun yang handsome - tampan dan segar. Monarki British terjamin melalui kedua-dua putera ini mendapat liputan muka depan media Barat, hatta dunia pun.

Tahlil sempena 45 tahun merdeka

Apa kala saya dan anak bongsu saya tiba di "Masjid VIP" di Jalan Aman, khutbah sudah bermula, tetapi apa yang sedikit saya dengar ialah jemaah diseru bersyukur: Kita dikurniakan Allah SWT nikmat dan juga rahmat-Nya, bukan seperti saudara seagama kita, dekat dan jauh. Kita harus mempertahankan dan meningkatkan lagi keredaan Tuhan sambil menghayati Islam, mempertahankan kemuliaan dan kesucian agama serta membanteras ancaman yang cuba memecah belahkan sesama ummah.

Yang menarik perhatian saya ialah lazimnya ramai jemaah angkat kaki selepas solat tanpa menunggu doa apalagi tahlil atau sembahyang jenazah. Hari Jumaat kelmarin, ada sedikit saja yang bangun - tidak sampai satu dozen apabila tahlil sempena Hari Kemerdekaan dimulakan: ringkas dan padat. Ramai jemaah asing turut sama bertahlil. Terlintas di hati saya, adakah mereka yang keluar dan tak sabar itu tidak menghargai nikmat kemerdekaan? Sekali dalam setahun pun tak bisa bertahlil? Saya faham lainlah kalau pada masa lain. Inilah tabiat manusia apabila mereka take everything for granted - tidak mensyukuri. Mereka hanya akan sedar apabila kebebasan, nikmat dan keselesaan menunaikan rukun Islam tiada lagi atau terancam.

Barang dijauhi Allah jua.

Apa anda buat semalam?

Anda menghadiri upacara perbarisan? Walaupun saya diundang ke Dataran Merdeka, lazimnya saya tidak dapat hadir kerana lebih suka melihat secara live di kaca TV. Dulu, sewaktu saya timbalan menteri, terpaksa saya penuh jemputan, tetapi kini, sekali-sekala ada juga saya menghadirinya.

Apa yang saya lihat amat membanggakan. Saya ingin lihat perarakan yang lebih hebat tahun hadapan - dengan senjata api dan alat perang yang lebih canggih. Empat dekad lima tahun dulu, Melayu buat jarum pun tak pandai,

apa lagi pandu kapal terbang, hatta kereta api pun.

Syukur Alhamdulillah. Semoga kita lebih berjaya ke arah mencapai kecemerlangan bagi bangsa, agama dan tanah air.